

**[BM] Friso® Gold**  
**Snap & Win Contest - September 2025**  
**Terma & Syarat**

**Kelayakan dan Tempoh Peraduan**

1. Peraduan Friso® Gold Malaysia Snap & Win ("Peraduan") akan berlangsung dari 1 September 2025 (12:00 pagi) hingga 21 September 2025 (11:59 malam) ("Tempoh Peraduan"). Friso® Gold Malaysia ("Penganjur") berhak memendekkan atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa notis awal. Peserta dianggap bersetuju dengan sebarang perubahan tersebut. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan terbatal secara automatik. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan sebarang pertanyaan tidak akan dilayan.
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap Malaysia yang mempunyai anak berumur antara 2 - 6 tahun (pada 1 September 2025) kecuali pekerja serta ahli keluarga terdekat Penganjur, termasuk pekerja serta ahli keluarga terdekat syarikat berkaitan dan/atau subsidiari, pengedar, agensi pengiklanan, pempengaruh, dan agensi promosi. Dengan menyertai peraduan ini, anda bersetuju untuk mematuhi terma & syarat ini. Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang timbul akibat penyertaan anda, dalam apa jua keadaan sekalipun.
3. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri. Dengan menyertai Peraduan ini, anda bersetuju untuk mematuhi terma & syarat ini. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, atau perbelanjaan yang timbul akibat penyertaan anda.

**Cara Penyertaan**

**Langkah 1:** Beli 2x Friso® Gold Step 3 atau 4 (1.2kg) untuk menerima *Tea Time Adventure Kit*. Simpan resit asal sebagai Bukti Pembelian.

**Langkah 2:** Ambil gambar anak anda yang sedang menikmati set permainan tersebut.

**Langkah 3:** Kongsi gambar di media sosial bersama kapsyen ringkas yang merangkumi:

- Momen anak anda meneroka dengan *Tea Time Adventure Kit*.
- Bagaimana Friso® Gold menjadi sebahagian daripada perjalanan keluarga anda.

**Langkah 4:** Tag @FrisoGoldMY dan sertakan tanda pagar #FrisoGoldMY #GutsToExplore #FrisoGoldSnap&Win

\*Pastikan akaun/post anda ditetapkan kepada **Umum (Public)**.

4. Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur selewat-lewatnya pada 21 September 2025, jam 11:59 malam.

5. Penebusan promosi tidak sah untuk pembelian melalui Kedai Rasmi Friso® Gold di Shopee atau Lazada. Pengajur berhak membatalkan sebarang penyertaan yang tidak lengkap, kabur, tidak jelas, tidak boleh dibaca atau lewat. Pengajur dan syarikat terlibat tidak akan bertanggungjawab terhadap kelewatan, kegagalan penghantaran dan/atau gangguan visual yang dihantar atau diterima melalui akaun Facebook, Instagram, atau TikTok semasa Peraduan. Mana-mana individu yang melanggar peraturan, memperoleh kelebihan tidak adil, atau menggunakan cara penipuan untuk memenangi hadiah akan dibatalkan penyertaannya. Tingkah laku tidak beretika, mengganggu, menjengkelkan, mengugut atau mengancam adalah dilarang sama sekali.

### **Bukti Pembelian**

1. Setiap resit (“Bukti Pembelian”) hanya boleh digunakan sekali. Resit pendua tidak dibenarkan.
2. Peserta mesti menyimpan resit asal untuk tujuan pengesahan.
3. Pengajur berhak meminta resit asal (salinan fizikal) dan dokumen pengenalan sebelum menyerahkan hadiah. Kegagalan menyediakan dokumen dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan dan hadiah akan dilucutkan.

### **Garis Panduan Jenama (Dianjurkan dan Dilarang)**

#### **DIANJURKAN**

- Sentiasa berpakaian dengan warna biru Friso® Gold (*royal blue*). Warna biru lain memerlukan kelulusan. Warna putih, neutral atau emas boleh dipadankan.
- Berpakaian sopan dan moden, sesuai sebagai ibu/bapa yang progresif.
- Pastikan ibu bapa dan anak kelihatan kemas dan teratur.
- Rakam dalam pencahayaan semula jadi yang terang (sebaiknya di luar rumah/alam semula jadi).
- Produk Friso® Gold mesti ditampilkan secara semula jadi.
- Pastikan anak sentiasa berinteraksi dengan alam/ibu bapa.
- Kanak-kanak yang ditampilkan mesti berumur 2-6 tahun sahaja (jangan membuat posisi dukung seperti bayi).
- Gelas jernih (tanpa logo/imej) boleh digunakan untuk menunjukkan susu Friso® Gold.
- Ejaan jenama mestilah betul iaitu **Friso® Gold**.

#### **DILARANG**

- Jangan sebut atau tampilkan jenama lain.
- Elakkan grafik/cetakan/nama jenama pada pakaian.
- Jangan berpakaian seperti profesional kesihatan (contoh: kot putih, stetoskop atau peralatan perubatan lain).
- Jangan tampilkan produk bayi (contoh: puting botol susu (*teats*),botol susu bayi, mainan bayi, puting (*pacifier*)). Hanya produk untuk kanak-kanak kecil dibenarkan (contoh: *sipping cup*).

- Jangan tampilkan susu formula bayi (0-12 bulan), *follow-up formula* (6 bulan – 3 tahun), susu formula khas atau sebarang produk termasuk *ready-to-feed* formula untuk bayi bawah 6 bulan.
- Jangan biarkan anak bersendirian – semua aktiviti perlu dilakukan bersama.
- Jangan buat dakwaan luar biasa (contoh: kekuatan luar biasa) atau mendakwa produk menyembuhkan masalah usus.
- Jangan letakkan produk Friso® Gold di bahagian paling hadapan atau dalam kedudukan yang tidak semula jadi.

### **Pemilihan Pemenang**

1. Peserta yang memenuhi semua syarat (rujuk Cara Penyertaan) akan dipertimbangkan untuk memenangi hadiah. Panel hakim akan memilih **100 peserta terawal** berdasarkan penyertaan paling kreatif dari segi kandungan keseluruhan.
2. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka mahu.
3. Kriteria penjurian:
  - Keaslian & kreativiti foto
  - Kreativiti & kesesuaian kapsyen
  - Pematuhan terhadap syarat *tag* & tanda pagar
4. Pemenang akan diumumkan di laman rasmi Facebook, Instagram, dan TikTok Friso® Gold Malaysia selewatnya **29 Oktober 2025 (Selasa)**.

### **Penebusan Hadiah**

1. Setiap pemenang akan menerima kredit e-Wallet Touch ‘n Go bernilai **RM50**.
2. Pemenang perlu menghubungi *Inbox* Instagram rasmi Penganjur (<https://www.instagram.com/frisogoldmy>) dalam tempoh **5 hari bekerja** selepas pengumuman dengan memberikan butiran berikut:
  - Nama penuh
  - Nombor IC
  - Nombor telefon
  - Nama akaun & platform media sosial
  - Gambar resit asal (Bukti Pembelian)
3. Hadiah akan dihantar dalam bentuk PIN tambah nilai Touch ‘n Go eWallet dalam tempoh **10 hari bekerja** selepas butiran diterima. Pemenang perlu menebus amaun tersebut ke dalam akaun eWallet mereka sendiri.
4. Jika pemenang gagal memberikan respon dalam tempoh ditetapkan, mengemukakan Bukti Pembelian yang tidak sah/palsu, atau gagal melepassi pengesahan, Penganjur berhak membatalkan dan memilih pemenang pengganti.

5. Hadiah tidak boleh ditukar ganti, dipindahkan atau ditebus dalam bentuk lain. Penganjur berhak menukar hadiah dengan nilai setara tanpa notis awal.
6. Dalam hal-hal yang berkaitan dengan peraduan ini, Penganjur mempunyai hak penuh untuk membatalkan Hadiah jika ada;
  - Pemenang pendua
  - Resit Pendua
  - Kegagalan memberikan butiran untuk pengesahan dalam tempoh masa yang ditetapkan
7. Setiap peserta hanya boleh menang satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Peraduan.
8. Penganjur berhak melantik pihak ketiga untuk menjalankan pengesahan dan penghantaran hadiah. Peserta bersetuju maklumat peribadi akan diberikan kepada pihak tersebut untuk tujuan ini.
9. Penganjur berhak meminta bukti umur sebelum mengesahkan pemenang. Kegagalan memberikan maklumat akan menyebabkan hadiah dilucutkan. Keputusan Penganjur adalah muktamad.
10. Penganjur berhak menolak sebarang penyertaan mengikut budi bicara mutlak tanpa memberikan alasan.

### **Hak Penganjur**

1. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap:
  - 1.1. Sebarang masalah, kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang dialami oleh mana-mana pihak akibat kelewatan dan/atau kegagalan dalam mengemukakan penyertaan disebabkan oleh sebarang ralat rangkaian, komunikasi atau sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh talian internet peserta sepanjang Peraduan. Sekiranya berlaku ralat, gangguan dan/atau kegagalan tersebut, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan mana-mana peserta untuk menyertai Peraduan pada bila-bila masa.
  - 1.2. Sebarang masalah, kerosakan atau kerugian dalam apa jua bentuk yang dialami oleh mana-mana peserta atau wakil sah mereka yang berpunca daripada penyertaan dalam Peraduan; dan
  - 1.3. Sebarang ralat, kecuaian, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, kegagalan talian internet, kecurian, kemusnahan, atau akses tanpa kebenaran terhadap penyertaan yang timbul semasa operasi atau penghantaran akibat fungsi pelayan, virus, pepijat atau punca lain di luar kawalan Penganjur.
2. Peserta juga mesti bersetuju bahawa Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kecederaan atau kerosakan kepada komputer, sistem komputer atau peralatan peserta dan/atau mana-mana pihak ketiga yang berkaitan atau berpunca daripada akses ke, penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk bermain, memuat turun sebarang bahan atau maklumat daripada Laman Web serta sebarang penghantaran penyertaan untuk

Peraduan ini, termasuk tanpa had kepada sebarang kegagalan pelayan, kehilangan, kelewatan atau kerosakan data, atau sebarang kerosakan lain.

3. Pengajur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana individu yang didapati mengganggu proses penyertaan atau operasi Peraduan, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma & Syarat Peraduan ini.
4. Pengajur berhak membatalkan, mengubah, menggantung atau menangguhkan Peraduan sekiranya berlaku keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah.
5. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi mereka, dan Pengajur berhak untuk menyiarkan dan/atau menggunakan nama, gambar serta penyertaan peserta bagi tujuan pengumuman pemenang, publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa bayaran tambahan atau notis, dan setiap peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan berhubung penggunaan penyertaan mereka oleh Pengajur.
6. Semua penyertaan mestilah sesuai untuk diterbitkan di mana-mana rangkaian sosial awam. Kandungan yang provokatif, berunsur politik, menyinggung perasaan atau meragukan tidak akan diterima. Pengajur berhak sepenuhnya untuk menentukan kriteria bagi penyertaan yang dianggap tidak sesuai.
7. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap bersetuju untuk terikat dengan semua Terma & Syarat Peraduan serta keputusan Pengajur.
8. Pengajur berhak untuk mengubah, meminda, memadam, atau menambah Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis awal, dan peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.
9. Pengajur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk menyediakan perkhidmatan atau berhubung dengan anda. Maklumat ini akan disimpan mengikut tahap keselamatan yang bersesuaian dengan sifat data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan anda. Dengan mengemukakan maklumat peribadi anda, anda dianggap memberi kebenaran kepada Pengajur dan/atau ejen yang dilantik untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi semasa dan akan datang, serta untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan Pengajur. Jika anda memaklumkan kepada Pengajur melalui Careline di 1800-81-3854 atau [frisogoldcareline@frieslandcampina.com](mailto:frisogoldcareline@frieslandcampina.com) bahawa maklumat tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan komunikasi lanjut, Pengajur akan menghormati permintaan anda. Maklumat anda tidak akan diberikan atau dikongsi dengan syarikat lain atau rakan kongsi untuk kegunaan bebas mereka. Untuk Notis Perlindungan Data Peribadi penuh Pengajur, sila rujuk laman web rasmi di <https://www.frisogold.com.my/privacy-policy>
10. Terma & Syarat Peraduan ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.